

21 SEP 2002

REAKSI-MAICCI/I

BAJET 2003 BERI KESAN BAIK KEPADA EKONOMI: MAICCI

KUALA LUMPUR, 21 Sept (Bernama) -- Gabungan Dewan Perniagaan dan Industri Malaysia (MAICCI) berkata, beberapa langkah yang diumumkan dalam Bajet 2003, khususnya berhubung dengan kadar cukai akan memberi kesan yang baik ke atas pertumbuhan ekonomi dan sektor korporat.

Antara langkah-langkah yang baik bagi pertumbuhan ialah penurunan cukai korporat bagi syarikat-syarikat dalam industri kecil dan sederhana (IKS) daripada 28 peratus kepada 20 peratus, lanjutan tempoh taraf perintis sehingga 31 Disember 2005 kepada syarikat-syarikat yang layak.

Pengecualian cukai perkhidmatan bagi syarikat-syarikat yang terbabit dalam penyediaan perkhidmatan profesional, dan galakan penuh menggunakan sekuriti hutang untuk membiayai syarikat-syarikat dalam pasaran modal dengan memberikan insentif yang sangat baik.

Presidennya, Datuk K Ketheeswaran berkata, belanjawan cemerlang bagi tahun 2003 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat semalam, merupakan satu lagi lembaran kebangkitan yang diumumkan oleh Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan, untuk mempertingkatkan lagi pertumbuhan ekonomi Malaysia.

"Dr Mahathir percaya bahawa peningkatan kegiatan dalam industri-industri penting tempatan akan memperkukuhkan lagi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)," katanya.

"Dan sejajar dengan dasar ini, Bajet 2003 pada umumnya, merupakan penyokong sektor swasta dan tiada kejutan lain selain daripada tiadanya cukai tambahan," katanya. -- BERNAMA

WNZ KTC KY OS